

16 DEC 1997

DR MAHATHIR MAHUKAN PENJELASAN GHAPUR LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mendapatkan penjelasan daripada Datuk Ghapur Salleh mengenai tindakannya meletakkan jawatan sebagai Timbalan Ketua Menteri Sabah dan Timbalan Ketua Perhubungan Umno Negeri.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata setakat ini beliau belum mendapat sebarang maklumat mengenai sebab Ghapur mengambil tindakan meletakkan jawatan.

"Saya belum dapat menyatakan perasaan saya terhadap peletakan jawatan beliau sebab saya tidak tahu sebab-sebab beliau buat demikian," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi Asean di sini hari ini.

Ketika ditanya bila beliau akan menemui Ghapur, Dr Mahathir berkata: "Saya akan menemuinya bila saya lapang, masa ini saya belum lapang."

Apabila ditanya adakah peletakan jawatan itu akan menjejaskan sistem giliran pelantikan Ketua Menteri, beliau berkata: "Saya tak tahu, kena tengok sebabnya dulu."

Ketika mengumumkan keputusannya itu Sabtu lepas, Ghapur memberi alasan kegagalan menjalankan tanggungjawab dan masalah peribadi sebagai punca tindakannya. -- BERNAMA

ARA MAI